PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa
www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (1) Jun 2020 (019-032)

Perbandingan Kata Kerja Tak Akusatif dengan Kata Kerja Tak Ergatif Bahasa Melayu : Analisis *Aktionsart*

[1]Mughni Murni Bustamam & [2]Maslida Binti Yusof
mughnimurni@yahoo.com; maslida@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima : 25 Mac 2020
Received
Terima untuk diterbitkan : 27 Mei 2020
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Jun 2020
Published online

Abstrak

Makalah ini bertujuan membandingkan kata kerja tak akusatif dengan kata kerja tak ergatif bahasa Melayu berdasarkan kelas *Aktionsart*. Pengelasan *Aktionsart* melibatkan penstrukturan kata kerja berdasarkan hubungannya dengan aspek masa. Bagi tujuan tersebut, makalah ini memfokus kepada kelas kata kerja gerak iaitu kata kerja gerak yang secara inheren bersifat berarah dan kata kerja cara gerak. Kajian ini bersifat deskriptif iaitu mencuba untuk menjelaskan sesuatu fenomena bahasa. Tiga contoh perkataan diambil daripada setiap kata kerja iaitu kata kerja *datang, sampai* dan *masuk* mewakili jenis kata kerja yang secara inheren bersifat berarah manakala kata kerja *berjalan, berenang* dan *merangkak* mewakili jenis kata kerja cara gerak. Kedua-dua kata kerja tak akusatif dan tak ergatif ini dibandingkan melalui lima ujian sintaksis dan semantik yang dianjurkan oleh Van Valin (2005). Untuk contoh ayat, kajian ini menggunakan pangkalan data korpus bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka. Berdasarkan hasil ujian, didapati kata kerja tak akusatif gerak yang secara inheren bersifat berarah tidak boleh hadir dengan kata bantu progresif, tidak bersifat dinamik, tidak boleh dikawal, tidak mempunyai tempoh masa dan mempunyai ciri penamat. Manakala kata kerja tak ergatif cara gerak boleh menerima kata bantu progresif, dinamik, lakuan boleh dikawal, mempunyai tempoh masa tetapi tidak mempunyai ciri penamat. Berdasarkan pengelasan Aktionsart, hasil ujian ini menunjukkan kata kerja tak akusatif gerak merupakan kelas pencapaian dan kata kerja tak ergatif cara gerak merupakan kelas aktiviti. Sehubungan itu, makalah ini telah menjelaskan ciri semantik kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif bahasa Melayu.

Kata Kunci : kata kerja tak akusatif, kata kerja tak ergatif, *Aktionsart*, kata kerja gerak

The Comparison of Unaccusative and Unergative Verbs In Malay: Analysis of Actionsart

Abstract

This paper aims to compares the unaccusative and unergative verbs in Malay based on Actionsart class. Actionsart classification involves the structuring of verbs based on their relationship to the temporal. For this purpose, this paper focuses on the class of motion verbs, which are inherently motion verbs and manner of motion verbs. This study is descriptive in that it attempts to explain a language phenomenon. Three examples of words taken from each verb are datang (come), sampai (arrive) and masuk (enter) represent the type of verbs that are inherently directional while verbs berlari (run), berenang (swim) and merangkak (crawl) represent manner of motion verbs. These two unaccusative and unergative verbs are compared through five syntactic and semantic tests organized by Van Valin (2005). This study used the Malay corpus database Dewan Bahasa dan

Pustaka. Based on the test results, it is found that unaccusative motion verbs cannot appear with progressive, non-dynamic, uncontrollable, bounded and telic. Whereas the unergative verbs of motion can appear with progressive, dynamic, controllable, unbounded and atelic. Based on the Aktionsart classification, the results of this test show that the unaccusatives verbs of motion are achievements class and the unergative verbs of the motion is a class of activities. Accordingly, this paper has explained the semantic features of unaccusative and unergative verbs in Malay.

Keywords: *Unaccusative verbs, unergative verbs, Aktionsarts, motion verbs.*

---

1. Pengenalan

Kebanyakan sarjana bahasa Melayu, antaranya Zainal Abidin (2000), Abdullah Hassan (2006), Asmah Hj Omar (2009), Arbak Othman (1981) dan Nik Safiah Karim et al. (2008) membahagikan kata kerja kepada dua kumpulan iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kata kerja tak transitif terbahagi pula kepada kata kerja tak transitif berpelengkap dan kata kerja tak transitif berpelengkap. Manakala kata kerja transitif dapat dibahagikan kepada kata kerja transitif yang wujud dalam ayat aktif dan kata kerja transitif yang wujud dalam ayat pasif (Nik Safiah Karim et al. 2010). Kata kerja transitif juga merupakan kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya. Manakala kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya. Pembahagian kata kerja kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif ialah berdasarkan sifat sintaksis kata kerja tersebut. Selain itu, pembahagian kata kerja juga boleh dilakukan berdasarkan sifat semantik kata kerja tersebut iaitu berasaskan bilangan peranan teta yang ditandakan oleh kata kerja tersebut sebagaimana, Rodney dan Rogayah (2018) menjelaskan dalam tatabahasa generatif, perincian kategori kata kerja boleh berdasarkan faktor ialah jenis argumen yang dimiliki oleh kata kerja tersebut dalam struktur peristiwa (event structure), bilangan peranan teta yang ditandakan oleh kata kerja tersebut dan ciri kasus yang dimiliki oleh argumen pada kata kerja tersebut.

Pembahagian mengikut faktor semantik ini menghasilkan kategori yang berbeza bagi kata kerja iaitu kata kerja akusatif bagi Kata kerja transitif yang mempunyai dua argumen dan kata kerja tak transitif yang boleh dibahagikan sebagai kata kerja tak akusatif atau ergatif dan kata kerja tak ergatif yang juga digelar sebagai kata kerja yang memiliki satu argumen atau monodik. Dari segi semantiknya, ciri pembeza bagi jenis kata kerja Transitif (kata kerja Akusatif) dan kata kerja Tak Transitif (kata kerja Tak Akusatif dan Tak Ergatif) adalah keupayaan untuk memilih pelaku dan penderita seperti dalam struktur argumen atau tematik masing- masing (Rodney dan Rogayah, 2018).

2. Kupasan Kajian Kata Kerja Tak Akusatif dan Tak Ergatif

Istilah tak akusatif (Unaccusative) dan tak ergatif (Unergative) mula disebut dan dibincangkan oleh Perlmutter (Perlmutter 1978), apabila memperkenalkan *Unaccusative Hypothesis* (UH). UH telah membezakan dua kelas kata kerja tak transitif; satu subkelas kata kerja tak transitif dikenali sebagai kata kerja tak ergatif (*berlari, menari, berjalan* dan sebagainya) dan satu lagi sub kelas yang dikenali sebagai kata kerja tak akusatif (*cair, jatuh, tenggelem* dan sebagainya). Idea utamanya ialah subjek level-permukaan bagi kata kerja tak transitif tertentu dipanggil sebagai tak akusatif, adalah objek sebenar dalam representasi dalamannya. Subjek level-permukaan bagi kata kerja tak ergatif pula ialah subjek dalamannya. Dengan perkataan lain, mengikut UH, kata kerja tak transitif dapat dibahagikan kepada dua kelas: kata kerja tak akusatif (contoh., *fall, slide* dan lain-lain) dan kata kerja tak ergatif (contoh., dance, talk dan lain-lain) (Burzio 1986, Perlmutter 1978). *Burzio (1986)* melalui teori *"Goverment Binding (GB)"* yang menyatakan bahawa secara sintaksisnya kata kerja Tak Akusatif dan Tak Ergatif merupakan kata kerja intransitif. Dalam UH *(unaccusative Hyphotesis*, konsep asas persoalan yang dibincangkan ialah hubung kait antara semantik dan sintaksis serta perbincangan berkenaan kata kerja tak Akusatif muncul disebabkan struktur sintaktik atau struktur sintaktik itu wujud disebabkan halangan semantik. Sejak UH *(unaccusative Hyphotesis*)

diperkenalkan, begitu banyak bahasa di dunia yang membincangkan berkenaan '*unaccusativity'* (Richard A, 2012).

Sejak adanya *Unaccusatives Hypothesis (UH*) yang diperkenalkan oleh Perlmutter (1978), banyak kajian telah dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan antara dua subkelas kata kerja tak transitif dari pelbagai perspektif. Antaranya berdasarkan pendekatan GB, tak akusatif digambarkan sebagai mempunyai objek langsung (atau argumen dalaman langsung) tetapi tiada objek langsung pada struktur-d (Levin & Rappaport Hovav, 1995:3). Dalam kerangka Prinsip dan Parameter juga menganggap kedua-dua kata kerja ini mempunyai representasi sintaksis yang berbeza iaitu subjek kata kerja tak akusatif dijana daripada kedudukan objek dan berpindah ke kedudukan subjek, subjek kata kerja tak ergatif adalah asas yang dijana dalam kedudukan subjek (Allman, J. L 2015).

Dikotomi tak akuratif- tak ergatif juga dikaitkan dengan perbezaan dalam sifat semantik dan binaan bagi kata kerja. Tingkah laku tak akusatif dari subkelas kata kerja tak transitif yang berhubungan dengan beberapa diagnostik boleh dikaitkan dengan faktor-faktor seperti agentiviti atau titik penamat (telicity), tanpa mengarahkan objek langsung pada beberapa tahap representasi sintaksis (Van Valin 1990; Dowty 1991; Wechsler 1996 dalam Allman, J. L 2015).

Oleh sebab kedua-dua subkelas kata kerja tak transitif ini kelihatan serupa pada tahap permukaan tetapi mempunyai represntasi sintaksis berbeza, maka banyak kajian telah dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan lakuan antara kata kerja tak akusatif dengan kata kerja tak ergatif yang merentasi bahasa. Ujian yang digunakan untuk membezakan kedua-dua kelas kata kerja ini dikenali sebagai *Diagnostik tak akusatif* (Unaccusative diagnostics) (Levin and Rappaport Hovav 1995). Antara dignostik sintaktik termasuklah Pemilihan Kata Bantu (Auxiliary selection) bagi bahasa Itali (Burzio 1986), Binaan *resultatif* (Resultative construction) untuk bahasa Inggeris dan bahasa Korea (Lee 2004, Levin and Rappaport Hovav 1995), dan *Quantifier floating with numeral classifiers* untuk bahasa Jepun dan Korea (Oshita 2000, Oshita 2001, Yang 1991). Semenjak dakwaan Perlmutter mengenai Hipotesis tak akustif, banyak diagnostik tidak akusatif diaplikasikan untuk membezakan kedua-dua jenis sub kata kerja tak transitif telah dicadangkan secara teoritis dan diuji secara empiris merentas bahasa. Antara bahasa yang telah dikaji ialah Allman, J.L (2015) dan Park (2006) mengkaji bahasa Korea, Richard A. (2012) dan Zaenen (1998) mengkaji bahasa Dutch , Mohammad Al-Sammak (2011) mengkaji bahasa Arab Moden dan Tafseer Ahmed (2010) mengkaji perbezaan tak akusatif - tak ergatif dalam bahasa Urdu.

Dalam bahasa Melayu ada beberapa kajian yang mengkaji dan menggunakan istilah kata kerja tak akusatif dan tak ergatif dalam kalangan sarjana. Misalnya Rodney dan Rogayah (2018) yang memfokus kepada aspek sintaksis ada membincangkan berkenaan kata kerja tak akusatif dan tak ergatif dalam kajian mereka tentang struktur lapisan frasa kerja ataupun dirujuk sebagai lapisan kata kerja *VP shell* dengan menggunakan program minimalis. Fazal dan Khairul (2014) juga dari aspek sintaksis ada membincangkan berkenaan kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif. Namun data yang digunakan dalam kajian mereka ialah data bahasa Mendriq iaitu bahasa yang dituturkan oleh orang asli Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang di Kelantan. Soh dan Hiroki (2011) dan Soh (2018) juga ada membincang kata kerja tak akusatif dan tak ergatif dalam bahasa Melayu dari aspek morfo-semantik khusus dengan memberi perhatian kepada imbuhan awalan meN- dan hubungannya dengan perbezaan kata kerja tak akusatif dan tak ergatif . Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh beberapa sarjana tersohor bahasa Melayu, jelas bahawa aspek penentuan dan perbezaan secara khusus bagi kata kerja tak akusatif dan tak ergatif bahasa Melayu masih belum diteliti secara tuntas. Justeru kajian ini akan meneliti ciri perilaku kata kerja tak akusatif dan tak Ergatif serta perbezaan antara kedua-dua subkelas kata kerja tak transitif ini dari aspek semantik yang berdasarkan pengelasan *Aktionsart* atau bentuk lakuan sesuatu kata kerja.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif iaitu menghurai dan menjelaskan isu dan fenomena bahasa. Dalam menjelaskan isu tentang kata kerja tak akusatif dan tak ergatif, bahagian berikut akan

menjelaskan sampel data dan juga pendekatan untuk analisis data iaitu menggunakan pengelasan *Aksionsart* yang diunjurkan oleh Van Valin (2005).

Data

Hipotesis Tak Akusatif mendakwa bahawa kata kerja tak transitif terdiri daripada dua sub kelas iaitu kata kerja tak akusatif dan kata erja tak ergatif yang mana setiap kata kerja itu dikaitkan dengan struktur sintaktik dalaman tertentu. (Perlmutter, 1978). Untuk menunjukkan perbezaan dalam sub kelas kata kerja tak transitif iaitu kata kerja tak ergatif dan tak akusatif, kajian ini akan memberikan fokus kepada kelas kata kerja gerak. Kata kerja gerak boleh didefinisikan sebagai kata kerja yang melibatkan lakuan gerak dan gerakan itu boleh mengakibatkan perubahan lokasi atau tidak (Maslida Yusof et al. 2010). Fokus kepada kata kerja gerak adalah kerana kedua-dua sub kelas tak transitif ini boleh ditemui dalam kelas kata kerja gerak. Misalnya kata kerja gerak yang secara semula jadi bersifat berarah seperti *datang, pergi,masuk, kembali, muncul* dan sebagainya adalah kelas kata kerja tak akusatif manakala kata kerja cara gerak iaitu *berlari, berjalan, berpusing* dan sebagainya adalah kelas kata kerja tak ergatif. Contoh ayat bagi kata kerja tersebut akan diambil daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan memilih bahan akhbar sebagai sumber carian korpus serta menghadkan juga lingkungan konteks lima kata ke kiri dan ke kanan. Sebagai contoh carian kata kerja 'datang', carian dalam korpus akan memberikan ayat seperti berikut; "Bagi mereka yang d*atang* dari bandar raya sesibuk Kuala …" Lingkungan konteks lima kata ke kiri dan ke kanan memadai untuk menunjukkan konteks kata kerja yang diteliti.

Pengelasan *Aktionsart*

Vendler (1957) menyatakan bahwa kelas *Aktionsart* ialah klasifikasi temporal inheren sesuatu peristiwa tanpa melihat pengkodan aspek kata kerja. Sesuatu kata kerja dapat memiliki ciri yang berbeza apabila berada dalam konteks tertentu. Dalam pendekatan Aktionsart, kejadian dan keadaan adalah berbeza. Keadaan bersifat statik dan tidak meliputi keadaan yang tidak berubah manakala kejadian bersifat dinamis dan meliputi kejadian yang sedang berlaku. Keadaan tidak meliputi kejadian yang sedang terjadi tetapi hanya wujud tanpa ada urutan struktur dalaman *(internal structure).* Oleh itu, keadaan sering dikaitan dengan aspek perfektif. Salah satu untuk menbezakan kejadian dan keadaan ialah dengan memberikan soalan *Apa yang berlaku…?*. Dalam ayat keadaan yang mengandungi kata kerja seperti *sayang, suka* dan *benci*, soalan ini tidak boleh dijawab oleh kata kerja tersebut.

Berdasarkan kepada perbezaan peristiwa yang terlibat, kejadian dapat dibezakan kepada tiga jenis iaitu aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan. Kata kerja Pencapaian ialah kata kerja yang berlaku tepat masa. Ini bermakna, kata kerja tersebut berlaku serta merta dan berlaku pada satu titik. Contohnya kata kerja *pecah*. Kejadian pecah itu berlaku serta merta dan tidak mengambil masa yang lama. Bagi kata kerja penyempurnaan dan aktiviti pula, kata kerja tersebut tidak sama dengan kata kerja pencapaian. Hal ini kerana, kata kerja penyempurnaan dan aktiviti bersifat duratif iaitu kejadian atau peristiwa yang berlaku mengambil masa. Kata kerja penyempurnaan memiliki titik penamat, manakala kata kerja aktiviti tidak mempunyai titik penamat. Kata kerja aktiviti dan penyempurnaan berkorelasi dengan struktur nahu yang lain. Berikut merupakan contoh kata kerja aktiviti dan penyempurnaan :

a. Saya membaca (Aktiviti)
b. Saya membaca buku (Aktiviti)
c. Saya membaca sebuah buku (Penyempurnaan)
d. Saya membaca tiga buah buku (Penyempurnaan)

(Adi Budiwiyanto 2011)

Menurut Adi Budiwiyanto (2011), membaca pada ayat (a) ialah aktiviti. Peristiwa itu merujuk pada proses yang sedang berlangsung tanpa adanya batas waktu inheren. Hal ini, sama juga terjadi pada ayat (b) kerana ayat tersebut tidak memberitahu berapa banyak buku yang dibaca. Oleh itu, proses membaca dapat berlanjut secara tak tentu. Namun, pada ayat (c) dan (d) jumlah buku dibaca dinyatakan. Kata kerja membaca menjadi Penyempurnaan apabila objek menunjukkan titik penamat. Penyempurnaan berbeza dengan Pencapaian dalam ciri durasi. Penyempurnaan mempunyai tempoh masa, manakala pencapaian bersifat tepat masa. Ciri keempat-empat kelas predikat asas dapat dibezakan dari segi fitur semantik ± statik; ± tempoh masa dan ± titik penamat sebagaimana berikut:

Keadaan	[+statik] [+ tempoh mas] [- titik penamat]
Aktiviti	[- statik] [+ tempoh masa] [- titik penamat]
Pencapaian	[- statik] [- tempoh masa] [+ titik penamat]
Penyempurnaan	[- statik] [+ tempoh masa] [+tepat masa]

(Maslida Yusof, 2015)

Dalam membezakan keempat-empat kelas predikat asas ini, Van Valin (2005) dengan mengubah suai ujian diagnostik Dowty (1979) mencadangkan lima ujian berdasarkan aspek sintaksis dan semantik untuk menguji dan mengelaskan sesuatu kata kerja sebagaimana berikut:

1. Hadir dengan progresif.
2. Hadir dengan adverba yang mengkodkan lakuan dinamik seperti penuh semangat/dengan aktif/dengan bertenaga.
3. Hadir dengan adverba kadar seperti dengan perlahan/ dengan pantas/dengan laju.
4. Hadir dengan frasa preposisi ‘selama sejam’.
5. Hadir dengan frasa preposisi ‘dalam masa sejam’.

Hadir dengan Progresif .

Ujian hadir dengan kata bantu progresif merupakan ciri bagi bentuk verbal yang digunakan untuk merujuk lakuan yang ‘sedang’ berlangsung tanpa memerlukan batasan masa. Berasaskan definisi ini, progresif berfungsi kepada sesuatu yang bukan keadaan tetapi lakuan atau proses. Aspek progresif boleh hadir secara natural dengan kata kerja aktiviti, penyempurnaan dan aktif penyempurnaan tetapi tidak boleh hadir dengan kebanyakan kata kerja keadaan atau kata kerja pencapaian yang mana subjeknya ialah tunggal. Dalam Bahasa Melayu, Maslida Yusof (2015) menggunakan kata bantu ‘sedang’ sebagai ujian untuk menentukan ciri progresif dalam kata kerja.

Hadir dengan adverba yang mengekodkan lakuan dinamik

Ujian ini melibatkan kebolehan kata kerja untuk muncul bersama dengan adverba yang mengkodkan lakuan dinamik seperti dengan penuh bersemangat/penuh kesungguhan, dengan aktif, dengan kuatnya dan dengan bertenaga. Ujian ini adalah untuk menguji fitur [dinamik] bagi sesuatu kata kerja.

Hadir dengan adverba kadar.

Ujian ini adalah relevan hanya kepada kata kerja bukan statif dengan membezakan kata kerja tak tepat masa daripada kata kerja yang tepat masa. Adverba kadar meliputi ‘dengan perlahannya’ dan ‘dengan pantasnya’. Adverba ini boleh hadir dengan peristiwa atau lakuan yang melibatkan tempoh masa sebagaimana contoh kata kerja *cair* dalam ayat ialah *Salji itu cair dengan perlahannya.*

Hadir dengan frasa preposisi selama sejam.

Ujian ini mengukur tempoh masa pada sesuatu tindakan atau perlakuan yang digambarkan dalam kata kerja. Frasa *selama sejam* boleh muncul dengan kata kerja keadaan, kata kerja penyempurnaan dan kata kerja aktiviti kerana kesemua kata kerja ini mempunyai tempoh masa iaitu bercirikan [-ketepatan masa].

Hadir dengan frasa preposisi dalam masa sejam.

Ujian hadir dengan frasa preposisi dalam masa sejam adalah ujian yang menguji sama ada sesuatu kata kerja mempunyai titik penamat semula jadi atau tidak. Jika sesuatu dilakukan dalam masa 10 minit maka rujukan eksplisitnya dikhususkan kepada titik perhentian/penamat bagi sesuatu lakuan/peristiwa. Dengan kata lain, peristiwa itu bermula pada satu titik masa dan berakhir pada 10 minit kemudian. Ini bermakna jika *Ahmad membaca buku dalam masa sejam*, peristiwa membaca berlaku itu mula dan tamat dalam ruang waktu satu jam.

Jadual 1 menunjukkan hasil daripada ujian diagnostik berdasarkan anjuran Van Valin dan LaPolla (1997) dan Van Valin (2005) yang telah diterapkan oleh Maslida Yusof (2015) dalam mengenal pasti kelas *Aktionsart* bagi empat predikat asas bahasa Melayu.

Jadual 1 Ujian Diagnostik bagi Kelas Predikat Bahasa Melayu

Kelas kata kerja	**<u>Ujian 1</u> Ujian progresif**	**<u>Ujian 2</u> Ujian adverba *dengan penuh semangat dll***	**<u>Ujian 3</u> Adverba *dengan laju, dengan perlahan dll***	**<u>Ujian 4</u> Ujian frasa *selama-(sejam)***	**<u>Ujian</u> 5 Ujian Frasa *dalam- (masa sejam)***
Keadaan	Tidak	Tidak	Tidak	Ya*	Tidak
Aktiviti	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak
Pencapaian	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
Penyempurnaan	Ya	Tidak	Ya	T/B	Ya

(Sumber: Maslida Yusof 2015)

Jadual 1 menunjukkan hasil daripada ujian-ujian diagnostik untuk mengenal pasti dan membezakan empat kelas predikat yang lazimnya kata kerja dalam bahasa Melayu. Bahagian selanjutnya akan menggunakan ujian diagnostik ini bagi menunjukkan klasifikasi subkelas kata kerjaa tak transitif bahasa Melayu iaitu kata kerja tak akusatif dan tak ergatif.

4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan hasil analisis bagi membezakan dua kelas kata kerja tak transitif iaitu kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif.

Ujian Diagnostik *Aksionsart* bagi kata kerja Tak Akusatif

Kata kerja tak transitif tak akusatif menandakan peranan tema sebagai penderita, alatan, dan sebagainya pada kedudukan subjek. Kata kerja jenis ini hanya menandakan argumennya selain daripada agen (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi, 2014). Dari segi makna, kata kerja *datang, pergi* dan *masuk* ialah kata kerja gerak yang secara inheren bersifat berarah yang memasukkan spesifikasi makna arah gerak walaupun tanpa kehadiran kata komplemen arah (Levin 1993: 264). Kata kerja *datang, pergi* dan *masuk* ialah contoh kata kerja tak akusatif. Berikut merupakan contoh-contoh petikan ayat yang diperoleh dalam korpus DBP bagi kata kerja gerak yang secara semula jadi bersifat berarah *datang, pergi* dan *kembali* adalah seperti berikut;

Kata kerja 'datang'

1.Tertuduh yang datang dari arah belakang terus menariknya …
2. mengalu-alukan kira-kira 100,000 orang yang datang untuk menghadiri majlis rumah terbuka …
3. … hari ini dia tidak dapat datang kerana kurang sihat," katanya.
4. Bagi mereka yang datang dari bandar raya sesibuk Kuala …

Kata kerja 'sampai'

5. Dia sampai tepat jam 12 malam untuk …
6. "Saya sampai di pub itu kira-kira jam …
7. … lagi trak bersama anggota FRU sampai ke tempat kejadian.

Kata kerja 'masuk'

8**.** "Saya nampak Hanafi pandu bas masuk ke bengkel kira-kira jam 9.30 …
9. … kecantikan gadis itu dan mempelawanya masuk ke rumah.
10. … 4,196 pendatang tanpa izin yang masuk melalui sempadan itu, ditahan.

Berdasarkan sampel data di atas, lima ujian diagnostik akan diuji kepada ayat-ayat yang mengandungi kata kerja tak akusatif iaitu kata kerja gerak yang secara semula jadi bersifat berarah *datang, sampai* dan *masuk*. Kaedah penyebaran atau kaedah agih dengan mengaplikasikan teknik sisip (Sudaryanto 2001) digunakan dalam analisis ini. Teknik sisip adalah menyisipkan suatu unsur tertentu dalam suatu binaan ayat yang dianalisis (Sudaryanto 2001). Misalnya, 'Ema membaca buku itu'yang disisip dengan frasa preposisi 'selama sejam' menghasilkan ayat 'Ema membaca buku itu *selama sejam'*. Teknik sisip ini berupaya mempamerkan sama ada sesuatu ayat itu gramatis atau tidak apabila suatu morfem, kata atau frasa disisipkan padanya (Sudaryanto 2001).

Ujian 1: Hadir dengan progresif sedang.

a. *Tertuduh yang *sedang datang* (dari arah belakang terus menariknya …)
b. *Dia *sedang sampai (*tepat jam 12 malam untuk …)
c. *… puas hati terhadap pegawai yang *sedang masuk* (dalam bilik bersama orang yang …)

Ujian 2: Hadir dengan adverba dengan penuh semangat.

a. *Tertuduh yang *datang dengan penuh semangat* (dari arah belakang terus menariknya …)
b. *Dia *sampai dengan penuh semangat* (tepat jam 12 malam untuk …)
c. … *puas hati terhadap pegawai yang *masuk dengan penuh semangat* (dalam bilik bersama orang yang…)

Ujian 3: Hadir dengan adverb kadar.

a. *Tertuduh yang *datang dengan perlahan-lahan* (dari arah belakang terus menariknya …)
b. *Dia *sampai dengan dengan perlahan-lahan* (tepat jam 12 malam untuk …)
c. *… puas hati terhadap pegawai yang *masuk dengan perlahan-lahan* (dalam bilik bersama orang yang …)

Ujian 4: Hadir selama sejam.

a. *Tertuduh yang *datang selama sejam* (dari arah belakang terus menariknya …)
b. *Dia *sampai selama sejam* (tepat jam 12 malam untuk …)
c. *… puas hati terhadap pegawai yang *masuk selama sejam* (dalam bilik bersama orang yang …)

Ujian 5: Hadir dalam masa sejam

a. *Tertuduh yang *datang dalam masa sejam* (dari arah belakang terus menariknya…).
b. *Dia *sampai dalam masa sejam* (tepat jam 12 malam untuk …)
c. *… puas hati terhadap pegawai yang *masuk dalam masa sejam* (dalam bilik bersama orang yang …)
* menandakan ayat tersebut tidak gramtis dari segi sintaksis atau semantik.

Berdasarkan kelima-lima ujian diatas, maka ringkasan dapatan ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Ringkasan ujian bagi kata kerja *datang, sampai* dan *masuk*

Kata kerja	Hadir dengan progresif	Adverba dinamik	Adverba kadar	Preposisi tempoh masa	Preposisi penamat
Datang	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
Sampai	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
Masuk	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak

Berdasarkan ujian di atas, kita dapat menyimpulkan bahawa kata kerja tak akusatif *datang, sampai dan masuk* mempunyai sifat sebagai kelas kata kerja pencapaian yang tidak muncul dengan progresif, tidak hadir dengan adverba 'dengan penuh semangat', tidak boleh hadir dengan adverba kadar, tidak menunjukkan tempoh temporal dan juga tidak muncul dengan adverba 'dalam masa sejam'. Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa kata kerja *datang, sampai* dan *masuk* tidak boleh hadir dengan progresif 'sedang' kerana kehadiran kata bantu sedang'akan menyebabkan ayat menjadi tidak gramatis seperti berikut;

* Tertuduh yang *sedang datang* (dari arah belakang terus menariknya …)
* Dia *sedang sampai* (tepat jam 12 malam untuk …)
*… puas hati terhadap pegawai yang *sedang masuk* (dalam bilik bersama orang yang ….)

Bahkan dalam korpus juga tidak ditemui ayat yang mengandungi kata kerja ini muncul dengan kata bantu progresif 'sedang'. Ketiga-tiga kata kerja ini juga tidak lulus dengan ujian adverba dinamik. Hal ini kerana lakuan bagi ketiga-tiga kata kerja ini tidak boleh dimodifikasikan iaitu tidak boleh dikawal oleh pelaku bagi lakuan itu. Justeru itu juga ketiga-tiga lakuan ini tidak boleh menerima adverba kadar seperti *dengan perlahan-lahan* kerana perkataan perlahan-lahan ialah adverba yang menerangkan kata kerja. Namun lakuan *datang, sampai* dan *masuk* tidak boleh dikawal oleh pelaku sama ada datang dengan perlahan-lahan atau laju, pantas dan sebagainya. Makna kata kerja *datang, sampai* dan *masuk* secara semula jadinya memfokus kepada titik penamat iaitu pelakuan pelaku mempunyai titik lokasi akhir iaitu datang + lokasi, sampai + lokasi dan masuk+ lokasi. Maka ketiga-tiga kata kerja ini tidak boleh menerima kehadiran adverba masa 'selama sejam', misalnya dalam ayat berikut: *… puas hati terhadap pegawai yang *masuk selama sejam* (dalam bilik bersama orang yang …). Ini kerana kata kerja pencapaian ialah kata kerja yang mempunyai ciri ketepatan masa. Ketepatan masa ini bermaksud lakuan itu tamat dengan segera. Dalam kes kata kerja pencapaian seperti *datang, sampai* dan *masuk* menumpukan pada akhir perjalanan. Kata kerja pencapaian menunjukkan pencapaian matlamat tanpa merujuk kepada aktiviti sebelumnya maka secara logiknya menjelaskan kenapa kata kerja ini tidak boleh menerima adverba tempoh masa. Oleh itu, kata kerja yang secara inheren bersifat berarah seperti *datang, sampai* dan *masuk* adalah kata kerja yang memberi tumpuan kepada penghujung perjalanan/ tindakan yang mengekodkan perubahan segera yang melibatkan perubahan dalam keadaan atau aktiviti terdahulu (Maslida Yusof, 2015).

Dapatan TIDAK untuk kata kerja tak akusatif *datang, sampai* dan *masuk* menunjukkan bahawa sungguhpun pencapaian boleh muncul dengan frasa *dalam masa x*, misalnya … "pegawai yang *masuk dalam masa sejam* (dalam bilik bersama orang yang …)". Namun dalam ujian Aksionsart frasa *dalam masa x* yang mengukur titik penamat merujuk kepada masa titik penamat bagi

sesuatu tindakan atau peristiwa, bukan merujuk titik masa bermulanya sesuatu tindakan atau peristiwa. Sehubungan itu dalam masa sejam dalam konteks ayat … "pegawai yang *masuk dalam masa sejam* (dalam bilik bersama orang yang …)", mempunyai interpretasi sebagai pegawai yang akan masuk ke dalam lokasi dalam tempoh masa satu jam lagi dan tidak mengukur masa bagi perlakuan masuk itu. Dengan itu ujian ini dianggap tidak relevan dengan kata kerja tersebut.

Ujian Diagnostik *Aksionsart* bagi Kata kerja Tak Ergatif

Kata kerja tak transitif tak ergatif ialah kata kerja yang hanya menandakan argumen luaran dengan memberikan peranan sebagai agen. Kata kerja jenis ini menandakan agen hanya pada permukaan subjek. Hal ini membawa maksud bahawa kata kerja jenis ini tidak memerlukan objek sebagai pelengkap, tetapi memerlukan penerang untuk memberikan makna yang jelas terhadap kata tersebut. Menurut Rodney dan Rogayah (2018), kata kerja tak ergatif dibahagikan kepada kata kerja gerak dan kata kerja psikologi berdasarkan makna semulajadi mereka. Justeru tiga kata kerja gerak yang diambil sebagai sampel untuk kumpulan kata kerja tak ergatif ialah *berjalan, berenang* dan *merangkak*. Berikut merupakan antara contoh ayat yang hadir dengan kata kerja-kata kerja tersebut dalam korpus DBP.

Kata kerja 'berjalan'

11. Ada yang berjalan, duduk mencangkung atau membaca buku."
12. … bulan, suami saya tidak boleh berjalan dan akhirnya lumpuh seluruh badan …
13. … minggu kedua Oktober dengan acara berjalan kaki secara besar-besaran diadakah di…

Kata kerja 'berenang'

14. … ibu bapa mengajar anak mereka berenang dan memanah.
15. … Baginda terlihat seorang lelaki yang berenang di dalam lautan sambil …
16. Berjalan dengan cepat, joging,berenang dan berbasikal adalah antara contoh …

Kata kerja 'merangkak'

17. … kesempatan untuk dia menjalar dan merangkak.
18. Mereka merangkak bersama 10 pendaki dari negara …
19. Dalam proses membesar, bayi merangkak untuk mencapai sesuatu yang diingini.

Ujian 1: Hadir dengan progresif sedang.

a. Ada yang *sedang berjalan*, (duduk mencangkung atau membaca buku.)
b. … Baginda terlihat seorang lelaki yang *sedang berenang* (di dalam lautan sambil …)
c. Mereka *sedang merangkak* (bersama 10 pendaki dari negara …)

Ujian 2: Hadir dengan adverba dengan penuh semangat.

a. Ada yang *berjalan dengan penuh semangat*, (duduk mencangkung atau membaca buku.)
b. … Baginda terlihat seorang lelaki yang *berenang dengan penuh semangat* (di dalam lautan sambil)
c. Mereka *merangkak dengan penuh semangat* (bersama 10 pendaki dari negara …)

Ujian 3: Hadir dengan adverb kadar.

a. Ada yang *berjalan dengan perlahan-lahan*, (duduk mencangkung atau membaca buku).
b. … Baginda terlihat seorang lelaki yang *berenang dengan perlahan-lahan* (di dalam lautan darah sambil …)
c. Mereka *merangkak dengan perlahan-lahan* (bersama 10 pendaki dari negara …)

Ujian 4: Hadir selama sejam.

a. Ada yang *berjalan selama sejam*, (duduk mencangkung atau membaca buku.)
b. … Baginda terlihat seorang lelaki yang *berenang selama sejam* di dalam lautan sambil …
c. Mereka *merangkak selama sejam* (bersama 10 pendaki dari negara …)

Ujian 5: Hadir dalam masa sejam

a. Ada yang *berjalan dalam masa sejam*, (duduk mencangkung atau membaca buku).
b. … Baginda terlihat seorang lelaki yang berenang *dalam masa sejam* di dalam lautan darah sambil)
c. Mereka *merangkak dalam masa sejam* (bersama 10 pendaki dari negara …)

Berikut merupakan hasil ujian bagi kata kerja berjalan, berenang dan merangkak yang ditunjukkan dalam jadual 3 :

Jadual 3 Ringkasan ujian bagi kata kerja berjalan, berenang dan merangkak

Kata kerja	Hadir dengan progresif	Adverba dinamik	Adverba kadar	Preposisi tempoh masa	Preposisi penamat
Berjalan	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak
Berenang	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak
Merangkak	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak

Jadual 3 di atas menunjukkan keputusan bagi lima ujian diagnostik bagi kata kerja tak ergatif *berjalan, berenang* dan *merangkak*. Keputusan kata kerja ini boleh menerima kata bantu progresif, menerima adverba dinamik, menerima adverba kadar dan boleh hadir dengan adverba tempoh masa. Walau bagaimanapun kelas kata kerja aktiviti tidak boleh hadir dengan adverba titik penamat iaitu 'dalam masa x'. Berdasarkan keputusan ujian diagnostik ini menyaksikan bahawa sub kata kerja tak transitif iaitu kata kerja tak ergatif ini berada dalam pengelasan *Aksionsart* kata kerja aktiviti yang mempunyai ciri [- statik, + dinamik,+ tempoh masa, - titik penamat].

Kata kerja *berjalan, berenang* dan *merangkak* boleh hadir dengan kata bantu progresif s*edang*, sebagaimana ditunjukkan dalam ayat "Ada yang sedang berjalan, (duduk mencangkung atau membaca buku.). Progresif berfungsi kepada situasi lakuan dan juga proses dan tidak kepada situasi keadaan. Dengan itu ujian progresif boleh hadir secara semula jadi dengan kata kerja tak ergatif cara seperti berjalan, berenang dan merangkak yang menunjukkan lakuan yang sedang berlaku atau dalam proses berlaku. Lakuan kata kerja tak ergatif berjalan, berenang dan merangkak boleh dimodifikasi oleh adverba yang mengekodkan lakuan dinamik seperti dengan bersemangat/dengan bertenaga/dengan aktif. Misalnya *berjalan dengan bersemangatnya/bertenaga/dengan aktif* dan sebagainya. Lakuan berjalan, berenang dan merangkak juga boleh dikawal oleh pelaku maka kata kerja ini boleh hadir dengan adverba kadar seperti dengan perlahan-lahan/ dengan laju/dengan pantas. Pelaku boleh melakukan perbuatan itu mengikut kawalan perlaku sama ada dengan laju atau dengan perlahan.

Oleh sebab kata kerja tak ergatif *berjalan, berenang* dan *merangkak* tidak menunjukkan titik penamat secara semula jadi maka kata kerja ini boleh muncul dengan adverba yang mengekodkan tempoh masa seperti preposisi 'selama sejam', misalnya dalam ayat *Mereka merangkak selama sejam (bersama 10 pendaki dari negara …).* Dalam korpus, kita boleh menemui kata kerja tak ergatif cara gerak seperti berjalan, berenang dan merangkak muncul dengan preposisi dalam masa x, contohnya dalam masa sejam. Misalnya dalam ayat *Mereka merangkak dalam masa sejam (bersama 10 pendaki dari negara* …). Walau bagaimanapun, dalam konteks ujian ini, dalam masa sejam mengukur titik penamat bagi sesuatu lakuan. Dalam konteks ayat *Mereka merangkak dalam masa sejam (bersama 10 pendaki dari negara …),* 'dalam masa sejam' tidak menandakan peristiwa *merangkak* akan selesai

atau tamat dalam masa sejam daripada titik mula tetapi ayat ini memberikan interpretasi bahawa jangkaan pelaku (mereka) untuk melakukan perbuatan merangkak akan berlaku dalam tempoh masa satu jam lagi. Oleh kerana frasa preposisi 'dalam masa sejam' mengukur titik penamat bagi peristiwa maka ujian ini ditandai sebagai TIDAK (iaitu gagal dari segi semantiknya) kerana kata kerja aktiviti tidak menunjukkan adanya penamat dalam lakuannya secara semula jadi.

Perbandingan Kata Kerja Tak Akusatif dengan Kata Kerja Tak Ergatif.

Berdasarkan ujian sintaksis dan semantik yang telah dilakukan pada dua sub klasifikasi kata kerja tak transitif bagi kelas kata kerja gerak, kajian ini mendapati bahawa kata kerja tak akusatif seperti datang, sampai dan masuk merupakan kelas kata kerja pencapaian manakala kata kerja tak ergatif seperti berjalan, berenang dan merangkak merupakan kata kerja aktiviti.

Dari segi sintaksis, kedua-dua kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif mempunyai persamaan dari segi tidak mempunyai objek. Misalnya contoh kata kerja tak akusatif *datang* dalam ayat *Salmi datang bersama-sama adiknya* dan kata kerja tak ergatif *merangkak* dalam ayat *Dia merangkak ke tempat mandi*. Nmun, kedua-dua kata kerja ini berbeza dari segi peranan subjek. Dalam kata kerja tak ergatif, subjek ayat merupakan agen, manakala dalam kata kerja tak akusatif, subjek terdiri daripada pengalami dan tema. Misalnya dalam ayat *Ali berlari di padang*, subjek bagi kata kerja berlari merupakan agen iaitu sesuatu entiti yang melakukan perbuatan lari. Manakala dalam ayat yang mengandungi kata kerja tak akusatif seperti *sampai – Ali sampai di kedai*. Subjek bagi kata kerja sampai bukan pelaku yang melakukan perbuatan sampai tetapi merupakan pengalami iaitu sesuatu entiti yang mengalami suatu keadaan. Dari segi sintaksis juga, kajian Nomoto dan Soh (2009) menunjukkan bahawa kata kerja tak ergatif tidak boleh dipasifkan sebagaimana Seorang lelaki tinggi pergi ke pasar tidak boleh dipasifkan menjadi * ke pasar pergi seorang lelaki tinggi.

Berdasarkan pengelasan *Aksionsart,* kajian ini telah menunjukkan bahawa kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif berbeza dari segi ujian sintaksis dan semantik yang diberikan. Kajian mendapati kata kerja tak akusatif tidak boleh dikawal manakala tak ergatif boleh dikawal. Ini bermakna ayat dalam (a) 'datang' tidak boleh dikawal manakala lakuan dalam ayat (b) 'merangkak' boleh dikawal samada boleh merangkak secara perlahan atau laju.

a) *Siti sedang *datang* pagi tadi.
b) Dia sedang *merangkak* ke tempat mandi.

Disebabkan kata kerja tak ergatif boleh dikawal, maka subjek adalah bersifat agentif. Ini bermakna dalam ayat (b) 'dia' adalah agentif yang melakukan lakuan merangkak. Bagi ayat (a), siti tidak boleh mengawal lakuan 'datang', oleh itu Siti merupakan tema. Dalam ayat (a) kata kerja progresif 'sedang 'tidak boleh hadir dalam ayat tersebut manakala ayat (b) boleh hadir dengan progresif sedang.

Bagi ujian kedua pula iaitu hadir dengan adverba kesemangatan. Kata kerja tak akusatif tidak boleh hadir dengan semangat manakala kata kerja tak ergatif boleh hadir dengan adverba dengan penuh semangat sebagaimana ditunjukkan dalam ayat (c) dan (d) di bawah.

(c) *Siti *datang dengan penuh semangat* pagi tadi.
(d) Dia *merangkak dengan penuh semangat* ke tempat mandi

Begitu juga dengan kehadiran bersama dengan adverba kadar, kata kerja tak akusatif gerak tidak boleh hadir dengan adverba kadar cepat manakala kata kerja tak ergatif gerak boleh hadir dengan adverba dinamik seperti *dengan cepat*.

(e) **Siti datang dengan cepat* pagi tadi.
(f) Dia *merangkak dengan laju* ke tempat mandi

Bagi ujian selama sejam pula kata kerja tak akusatif tidak boleh hadir dengan preposisi selama masa sejam kerana kata kerja yang secara inheren bersifat berarah memfokus kepada titik penamat maka ujian selama masa sejam tidak mengukur tempoh masa bagi lakuan yang berlaku. Namun kata kerja tak ergatif boleh hadir dengan selama sejam bagi mengekodkan tempoh masa sesuatu lakuan atau tindakan yang dinamai oleh kata kerja itu malah akuan yang sama boleh berulang pada masa yang lain kerana makna kata kerja itu tidak menunjukkan kepada satu titik penamat.

(g) *Siti *datang selama sejam* pagi tadi.
(h) Dia *merangkak selama sejam* ke tempat mandi.

Walau bagaimanapun, untuk ujian yang terakhir, kedua-dua kata kerja ini tidak boleh menerima ujian frasa preposisi 'dalam masa sejam'. Frasa preposisi ini mengukur titik penamat bagi sesuatu peristiwa atau lakuan. Namun kehadiran frasa preposisi ini frasa menunjukkan masa bagi perlakuan atau peristiwa yang ditunjukkan oleh kata kerja tak akusatif gerak dan kata kerja tak ergatif gerak. Perbandingan hasil ujian *Aksionsart* bagi kedua-dua jenis kata kerja tak akusatif dan tak ergatif dapat diperlihatkan dalam jadual 4 di bawah;

Jadual 4 Perbandingan ujian diagnostik bagi kata kerja tak akusatif dan tak ergatif

Kata kerja	Hadir dengan progresif	Adverba dinamik	Adverba kadar	Preposisi tempoh masa	Preposisi penamat
Kata kerja tak akusatif gerak yang secara inheren bersifat beraarah	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
Kata kerja tak ergatif cara gerak	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak

Dengan ciri yang diperlihatkan dalam kata kerja tak akusatif dan tak ergatif dapat dirumuskan bahawa dalam pengelasan *Aktionsart*, kata kerja tak akusatif gerak dikelaskan dalam kata kerja pencapaian. Manakala kata kerja tak ergatif gerak berada dalam kelas kata kerja aktiviti. Kata kerja pencapaian merupakan kata kerja yang tidak mempunyai proses dan memfokus kepada titik penamat. Kata kerja aktiviti pula merupakan kata kerja yang bersifat dinamik dan tidak mempunyai ciri penamat dalam makna kata kerja tersebut.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah menunjukkan perbezaan kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif dari segi pengelasan *Aktionsart.* Ujian *Aktionsart* yang digunakan telah menunjukkan perbandingan tersebut dengan menggunakan lima ujian. Lima ujian ini cukup jelas untuk menunjukan perbezaan kedua kata kerja tersebut. Ini membuktikan hasil kajian pengkaji terhadap aspek semantik berjaya untuk membuktikan perbezaan kedua-dua kata kerja tersebut. Setelah dikenal pasti, dikategori, dikaji dan dianalisis, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kata kerja tak akuatif gerak terdiri daripada kelas kata kerja pencapaian yang memiliki ciri [-statik,- dinamik, +ketepatan masa,+ titik penamat] manakala kata kerja tak ergatif gerak merupakan kata kerja aktiviti yang bercirikan [-statik, +dinamik, - ketepatan masa, - titik penamat].

Rujukan

Adi Budiwiyanto. (2011). *Konfigurasi Leksikal Eksonim Verbal Berendonim Kaki dalam Bahasa Indonesia.* Depok Program studi magister Linguistik, Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya. Universitas Indonesia. Tesis sarjana.

Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Allman, J. L.(2015). Empirical examination of two diagnostics of korean unaccusativity. From file:///E:/ALLMAN-DISSERTATION%20akusative-2017%20(1).pdf

Alexiodous, Artemis & Schäfer,F.(2011).'*An unaccusativity Diagnostic At The Syntax-Semantics*

:Interface: There- insertion, indefinities and Restitutive Again'. Proceedings of Sinn and Bedeutung 15, pp. 101-115. Universaar- Saarland University Press Saarbrucken . Germany. From http://universaar.unisaarland.de/monographien/volltexte/2011/30/artikel/Alexiadou_Schaefer_sub15.pdf

Arbak Othman, (1981). *Belajar Tatabahasa dan Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu Muktahir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bache. (1982). Aspect and Actionsart : Towards a Semantic Distinction. *Journal of Linguistics* 18 (1): 57-72.

Burzio, luigi. (1981). *Intransitive verbs and italian auxillaries* tesis PHD : Cambridge MA:MIT Press

Dowty, R.D. 1979. *Word meaning and Montague grammar: the semantics of verbs and times in generative semantics and in Montague's PTQ*. Holland: D. Reidel Publishing Company.

Ejazi, Yahya. (2004). Hubungan Antara Imbuhan Dengan Kata Kerja dari perspektif Pengajaran dan pembelajaran berbantukan Komputer. USM Pulau Pinang. Tesis Sarjana.

Eide. K. (2006). 'The Case Of Unaccusatives In Classical Portugese' The second Colloqium on Languages Typology in a Diahronical Prespective. Goteborg 18th- 20th may 2006.

Fazal Mohamed dan Khairul. (2014). Analisis Deskriptif Terhadap Struktur Frasa Kerja Bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa.* 14 (2):169-191.

Levin, B & Hovav,R.M. (1995). *Unaccusativity : At The Syntax - Lexical Semantic Interface*. Cambridge MA:MIT Press.

Levin, B. 1993. *English Verb classes and alternations: A preliminary investigation*. Chicago: The University of Chicago Press.

Maslida Yusof. (2009). Preposisi Lokatif Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Role And Reference Grammar (RRG). *GEMA Online Journal Of Languages Studies*. Vol 7(1): 17- 33.

Maslida Yusof, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Karim Harun. (2010). Analisis situasi kata kerja gerak bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. Vol.11: 1-11.

Maslida Yusof. (2015). *Perkaitan semantik – sintaksis kata kerja dengan preposisi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammed Al-Sammak. (2012). Cognate Objects With Unaacusative and Unergative Verbs In Arabic. California State University, fresna. Tesis sarjana.

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan. Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Park, K. S. (2006). L2 acquisition of English unaccusative verbs by native speakers of Korean. Unpublished MA *thesis. Southern Illinois University at Carbondale.*

Perlmultter,David M. (1978). " *Multiattachment and the Unaacusative Hypothesis : the Perfect Auxiliary in Italian* " Probus 1: 63-119.

Radiah Yusof. (2018). Ergativiti dalam bahasa Melayu : analisis berlandaskan Lyons (1968). Dalam *Teori Sintaksis Bahasa Melayu*. Rogayah Razak & Radiah Yusof (Pnyt.) Hlm: 245-271, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur

Ramli Salleh. (1995). *Sintaksis Bahasa Melayu : Penerapan teori kuasaan dan tambatan . Kuala Lumpur* : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rodney & Rogayah. (2018). Lapisan Frasa Kerja Dalam Bahasa Melayu? Dalam *Teori Sintaksis Bahasa Melayu*. Rogayah Razak & Radiah Yusof (Pnyt.). Hlm. 1-53. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Richard A.(2012). *To Be Or Not To Be A Corpus Based Study Of Unaccusative Verbs And Auxilarry Selection.* The faculty of the graduate school of arts and sciences. Brandels University. Tesis sarjana.

Sudaryanto. (2001). *Metode Aneka Teknik Analisis Bahasa*. Yogyakarta: Duta Wacana University Press.

Soh, Hooi Ling dan Nomoto. (2011). *' The verbal prefix meN- and the unergative/ unaccusative distinction in Malay'*. *Journal of East Asian Linguistics* 20: 77-106

Soh, Hooi Ling. (2018). *Awalan meN- dalam Bahasa Melayu : satu morfem atau dua morfem?* Dalam *Teori Sintaksis Bahasa Melayu*. Rogayah Razak & Radiah Yusof (Pnyt.) Hlm: 245-271. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tafseer Ahmed. (2010). The Unaccusativity/Unergativity Distinction in Urdu. *JSAL*. 3(1):1-22.

Van Valin, R. (1993). *Advances in Role and Reference Grammar.* Amsterdam : John Benjamins Publishing.

Van Valin, R LaPolla, R. (1997). *Syntax : Structure, Meaning and Function* Cambridge University Press.

Van Valin, R. (2005). *Exploring the Syntax - Semantics Interface*. Cambridge: Cambridge University Press.

Vendler, Zeno. (1957). Verbs and Times. *The Philosophical Review*, Vol. 66, No. 2. pp.143-160.

Vendler, Z. (1967). *Linguistics In Philosophy*. New York : Cornell University Press.

Wyn D. Laiding.(1991). *Tatabahasa Larike.* Summer Institute of Linguistic and Pattimura University. Ambon, Maluku. Indonesia.

Zaenen. (1988). *Unaccusatives verbs in dutch and the syntax - semantics interface*.CSLI

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2000). *Pelita Bahasa Melayu penggal* 1-111. Edisi. Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaenen, Annie. 1998. Unaccusativity in Dutch: integrating syntax and lexical semantics. TechRep. 123, Center for the Study of Languages and Information (CSLI), Stanford: CA

Biodata Penulis

Mughni Murni Binti Bustamam, Calon Doktor Falsafah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti kebangsaan Malaysia

Maslida Yusof, PhD, Profesor Madya di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti kebangsaan Malaysia. Pengkhususan dalam Semantik dan Pragmatik.